



مشققتی کے اسباب اور ان کا حل

Punca Kesempitan Rezeki Dan Solusinya



Shaykh-e-Tariqat Amir-e-Ahl-e-Sunnah,

Pengasas Dawat-e-Islami Allamah Maulana Abu Bilal

Muhammad Ilyas Attar Qadiri Razavi



M Tetap Menonton
adani Channel

تنگدستی کے اسباب اور ان کا حل

Punca Kesempitan Rezeki Dan Solusinya

Buki kecil ini mula-mula dipersembahkan oleh Majlis Al-Madinat-ul-Ilmia ke dalam Bahasa Urdu. Majlis Penterjemahan (Dawat-e-Islami) telah menterjemahkannya ke dalam Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang kesilapan di dalam penterjemahannya ataupun dari segi karyanya, sila hubungi Majlis Penterjemahan supaya beroleh pahalanya.

DiKelolakan Oleh:

Majlis Penterjemahan (Dawat-e-Islami), Maktaba-tul-Madina
Pusat Antarabangsa Madani, Faizan-e-Madina, Muhalla Sodagran,
Old Sabzi Mandi, Bab-ul-Madina, Karachi, Pakistan
Contact #: +92-21-34921389 to 93,34126999
Faks:+92-21-34125858
translation@dawateislami.net,
maktabaglobal@dawateislami.net,
www.dawateislami.net

Table of Contents

| | |
|---|----|
| Kelebihan Fadhilat Selawat Ke Atas Nabi (Durood Shareef)..... | 1 |
| Punca Kesempitan Rezeki Dan Solusinya | 1 |
| Kedaaan Menyedihkan..... | 3 |
| Mutiara Madani..... | 4 |
| Punca Kesempitan Rezeki | 4 |
| Memakihamun Menghilangkan Berkat Di Dalam Perniagaan | 5 |
| Kekurangan Kewangan (Bajet) | 6 |
| Penyertaan Syaitan | 7 |
| Empat Puluh Empat Punca Kesempitan Rezeki..... | 8 |
| Peringatan Penting..... | 12 |
| Perkara Merunsingkan | 12 |
| Melawan Godaan Syaitan..... | 13 |
| Berwaspadalah | 14 |
| Kebebasan Daripada Belunggu Kesempitan Rezeki | 14 |
| Mengumpul Keberkatan | 15 |
| Cara Berwudhu' Sebelum Makan | 15 |
| Pertambahan Rezeki..... | 16 |
| Berkatnya Makansecara Beramai-Ramai (Berjemaah) | 16 |
| Perkara Dititikberatkan..... | 16 |
| 20 Solusi Madani Mengatasi Kemiskinan | 17 |
| Golongan Miskin Menjadi Kaya | 21 |
| Maknanya Kesempitan..... | 21 |
| Terjemahan Bacaan Doa Attar | 22 |
| Cara Paling Baik Rezeki Diberkati | 22 |
| Penawar Kesempitan | 23 |
| Keprihatinan Ameer-e-Ahle Sunnat <small>واعف برئنا الله العالمة</small> | 24 |
| Berikanlah Buku Kecil Ini Kepada Orang Lain Sesudah Membacanya | 25 |
| Pahala Melalui Pendekatan Madani Di Majlis Perkahwinan..... | 25 |
| Coretan..... | 26 |

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ ط
أَمَّا بَعْدُ فَأَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ط

Punca Kesempitan Rezeki dan Solusinya

Kelebihan Fadhilat Selawat Ke Atas Nabi

Muhammad ﷺ (Durood Shareef)

Kelebihan fadhilat membaca Selawat ke Atas Nabi Muhammad ﷺ (Durood Shareef) diperjelaskan oleh Ameer-e-Ahle Sunnat, Hazrat Allama Moulana Muhammad Ilyas Attar Qadri Razavi رامت بركاؤُهُ العالِيه، pencinta kepada A'ala Hazrat رحمه اللهُ تَعَالَى، pengasas Dawat-e-Islami, di dalam Buku Kecilnya 'Zia-e-Durood-o-Salam', berkat dari Junjungan Mulia Ya Mustapha صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, "Barangsiapa mengamalkan bacaan Selawat ke Atas Nabi (Durood Shareef) sebanyak 100 kali pada hari Jumaat dan pada Malam Jumaat, Allah عَزَّوَجَلَّ akan memenuhi beratus-ratus keinginannya." (*Tafseer Dur-ul-Mansoor, Jilia 6, MS 406, Dar-ul-Fiker Beroot*)

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

Punca Kesempitan Rezeki dan Solusinya

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ عَزَّوَجَلَّ! Kita dalah orang Islam dan sebagai Muslimin, kita wajib menunaikan segala amalan kebaikan demi memperoleh

kenikmatan Allah ﷺ dan Rasulullah Ya Habibullah ﷺ, tetapi perhatikanlah! Sifat malas dan tidak melakukan apa-apa jua! Barangkali, itulah punca sebenar dari berbagai permasalahan yang dihadapi. Di antara kita semua, ada yang dibebani hutangpiutang, ada yang menghadapi masalah rumahtangga, sesetengahnya miskin mudharat sementara ada pula yang menganggur, menginginkan zuriat wal hal ada juga yang merasakan terlalu dibebani oleh zuriat mereka. Pendekata, kita semua menghadapi berbagai jenis permasalahan hidup dan mengatasi segala-galanya ialah masalah Kesempitan Rezeki.

Tidak ada keluarga yang bebas dari permasalahan tersebut. Punca utama masalah ini merupakan diri kita sendiri yang kerap mengamalkan berbagai keburukkan serta tidak mengamalkan kebaikan, sepertimana telah diterangkan di dalam Surah Assyura (Sura-e-Shura), Ayat ke-30 seperti berikut:

وَمَا أَصَابَكُمْ مِّنْ مُّصِيبَةٍ فِيمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُو عَنْ كَثِيرٍ

Terjemahan Kanz-ul-Imaan

“Dan apa jua nasib malang yang menimpa dirimu adalah berpunca daripada apa yang telah dikerjakan oleh tanganmu sendiri; sesungguhnya Dialah Maha Pengampun.”

Makanya, kita dikehendaki segera bertaubat di atas segala amalan keburukkan yang telah dilakukan dan hendaklah menumpukan fikiran kepada amalan-amalan kebaikan. Allah ﷺ berfirman di dalam Surah Al-A'raf, Ayat ke-56:

إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

Terjemahan Kanz-ul-Imaan

“Sesungguhnya, sifat Maha Pemurah Allah عَزَّوَجَلَّ paling dekat beradanya di sisi orang-orang yang beramal kepada kebaikan.”

صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ

Kedaaan Menyedihkan

Sungguh amat dikesali, hari ini, kita melihat kaum Muslimin sanggup melakukan apa-apa sahaja demi menyelesaikan permasalahan mereka terhadap perkara-perkara duniawi tanpa memikirkan tentang jawapan-jawapan kepada permasalahan tersebut dari petunjuk-petunjuk yang dikurniai Allah عَزَّوَجَلَّ dan Rasulnya Junjungan Ya Habibullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ. Hari ini, kita dapati masalah pengangguran begitu runcing keadaannya dan Kesempitan Rezeki menjadi punca terbesar kepada tekanan hidup. Ingatlah! Adalah menjadi kewajiban bagi sesiapa pun yang menginginkan keberkatan rezeki daripada persaraan hidupnya supaya mencari ilmu pengetahuan tentang punca Kesempitan Rezeki dan hendaklah berusaha untuk menghapuskannya daripada terus-terusan menghalang kemakmuran hidup penuh berkat.”

Oleh itu, suatu ikhtiar telah dikemukakan tentang punca Kesempitan Rezeki serta solusinya berpandukan Al-Hadith Nabi atau ‘Sunnah Rasul.’ Bacalah tentangnya dengan penuh

ketelitian terhadap pemahamannya agar dapat membuka jalan kepada kemakmuran hidup sambil mengelak daripada Kesempitan Rezeki dan bertindak ke atas solusi-solusinya.

Mutiara Madani

Ameer-e-Ahle Sunnat دامت بركاتها العالیه berkata, “Keberkatan rezeki, (kemakmuran hidup) tidak bermaksud memiliki harta kekayaan yang bertimbun-bertimbun, tetapi ianya lebih menekankan tentang nikmat kepuasan memenuhi segala keperluanmu hanya dengan wang yang sedikit sahaja dan kamu berasa berpuas hati dengan apa yang dimiliki. Ini juga merupakan keberkatan besar (kemakmuran).”

Punca Kesempitan Rezeki

Pernah sekali, Ameer-e-Ahle Sunnat دامت بركاتها العالیه berkata, “Amat berleluasa sekali tidak mensyukuri nikmat serta pembaziran makanan di kebanyakan rumah kediaman. Samada ianya di kediaman orang mewah berharta kekayaan beribu-ribu juta ataupun di rumah seorang pekerja buruh kasar, kesemuanya di kalangan mereka begitu cuai mengenai perkara tersebut. Di majlis-majlis mera’ikan pengantin baru pula, berbagai jenis makanan pula terbiar menjadi sisa makanan dan terbuang begitu sahaja.

Tambahan lagi, kita semua sediamaklum tentang pembaziran lauk-pauk, nasi tak habis dimakan dan sebagainya apabila

mencuci pingganmangkok yang kotor. Sepatutnya, kita benar-benar memerhatikan perkembangan yang menjadi punca utama kepada Kesempitan Rezeki ini.

Aishah Sidiqqa رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهَا, ibu unggul kepada yang beriman berkata, “Pemerintah Besar Madinah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ pernah memasuki rumah dan tiba-tiba Baginda terpandang kepada deraian kepingan roti bertaburan di atas lantai, lalu mengutipnya, menyapu bersih dan terus dimakannya. Kamudian Baginda bersabda, “Wahai Aishah رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهَا, sanjungilah benda-benda yang baik-baik kerana jika makanan (roti) ini telah meninggalkan sesebuah Negara, sudah pasti ianya tidak akan kembali lagi.” (*Sunan Ibn-e-Maja, Al-Hadiith 3353, Jilid 4, MS 49 Dar-ul-M'arifa Beroot*)

Memakihamun Menghilangkan Berkat di dalam Perniagaan

Hari ini, kita melihat ramai di kalangan para saudagar perdagangan runcit mengamalkan pemakaian tangkal (taweez), membaca mentera (wazeefa) dan berdoa untuk menghapuskan kesan-kesan dari perbuatan ilmu hitam atau ilmu sihir daripada memusnahkan perdagangan mereka, tetapi mereka tidak member perhatian langsung kepada punca utama menyebabkan perdagangan mereka tidak diberkati iaitu, sikap kecuiaan di dalam urusan jualbeli.

Menurut sebuah Haith, Rasulullah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersabda, “Jauhilah daripada kekerapan mengeluarkan kata-kata

makihamun di dalam perdagangan (Bay) kerana walaupun jualan tercapai, perbuatan tersebut menghilangkan berkatnya.”

(Shaheeh Muslim, Al-Hadith 1607, MS 868, Dar ibne Hazm Beroot)

Wahai saudara Muslimin! Sedarilah bahawa syarat yang dikehendaki ialah bersumpah atas kebenaran, makanya betapa mudharatnya membuat sumpahan palsu dan berurusniaga secara Haram (wang yang diperolehi secara yang dilarang agama) di dalam perniagaan atau pekerjaan.

Oleh itu, larangan terhadap bersumpah palsu serta menipu ada disebut di dalam Al-Hadith berkenaan perdagangan. Tanpa diragui, jika seseorang ahli perdagangan mahukan perniagaannya diberkati, dia hendaklah menjauhkan diri daripada bersumpah di dalam urusan perniagaan jika mahu membuktikan kebenaran.

Kekurangan Kewangan (Bajet)

Hari ini, sudah menjadi lumrah bagi kita mendengar keluhan-keluhan tentang bajet tidak mencukupi, padahal, di masa-masa lalu bajet tersebut dapat bertahan selama 1 bulan tetapi kini begitu cepat sekali ianya kehabisan dalam waktu singkat sahaja, contohnya, dalam masa 15 hari. Oleh itu, kesimpulannya adalah samada kita mengucapkan بِسْمِ اللّٰهِ sebelum permulaan makan ataupun tidak بِسْمِ اللّٰهِ.

صَلَّى اللّٰهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ

Penyertaan Syaitan

Adalah menjadi amalan ‘Sunnah Rasul’ untuk mengucapkan Bismillah sebelum makan. Menurut sebuah Hadith diceritakan oleh Hazrat Huzaifa رضي الله تعالى عنه, “Pemerintah Besar Madinah صلى الله تعالى عليه وآله وسلم bersabda, “Syaitan akan turutserta makan bersama-sama jika Bismillah tidak diucapkan.” (*Shaheeh Muslim, Al-Hadith 2017, MS 1116, Dar ibne Hazm Beroot*) Oleh itu, jika Bismillah tidak diucapkan sebelum makan, berkatnya akan terhapus jika tiada seorang pun di dalam sesebuah kumpulan jemaah mengucapkannya.

Hazrat Abu Ayub Ansari رضي الله تعالى عنه berkata, “Kami pernah hadir di dalam ruangan dewan makan Pemerintah Besar Madinah صلى الله تعالى عليه وآله وسلم di mana makan sedang dihidangkan. Pada mulanya, kami tidak pernah melihat betapa berkatnya makanan yang dihidangkan, tetapi lama-kelamaan kami perhatikan makanan tersebut jelas tidak diberkati. Kami pun secara merendah diri meminta penjelasannya, “Ya Rasulullah صلى الله تعالى عليه وآله وسلم, mengapakah perkara itu berlaku?” Baginda صلى الله تعالى عليه وآله وسلم menjawab, “Kesemuanya di antara kita telah mengucapkan Bismillah sebelum bermulanya makan tadi, kemudian datang pula seorang yang tidak mengucapkan Bismillah duduk bersama-sama lalu Syaitan pun turutserta makan bersama-samanya.” (*Sharah-u-Sunnah, Al-Hadith 2818, Jilid 6, MS 61, Dar-ul-Kutub-ul-Ilmia Beroot*)

Menurut kata-kata cendiakiawan Islam, menyimpan kuku panjang merupakan punca kemiskinan. (Adalah Makruh

hukumnya jika membiarkan kuku panjang tidak berpotong melebihi 40 hari lamanya). (*Al- Futawa Al-Hindiya, Jilid 5, MS 358 Quetta*)

Shaikh-e-Tareeqat Ameer-e-Ahle Sunnat دامت بركاتهم العاليتين menulis tentang ‘Tatatertib Makan di Dalam Islam’ di dalam salah satu daripada tajuk-tajuk di dalam kitab/buku Faizan-e-Sunnat karangannya yang terkenal di seluruh dunia.

Wahai saudara Muslimin! Memandangkan terdirinya berbagai-bagai punca rezeki diberkati, begitu juga dengan Kesempitan Rezeki. Jika kita berusaha menjauhkannya, لَنْ يَشَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ kita akan dikurniai rezeki diberkati dengan melimpah-limpah. Berikut ini, disenaraikan.

Empat Puluh Tiga Punca Kesempitan Rezeki

1. Makan tanpa mencuci tangan dahulu.
2. Makan tanpa menutup kepala.
3. Makan di dalam suasana gelap.
4. Makan dan minum sambil duduk di tengah-tengah pintu masuk ke rumah.
5. Makan berdekatan dengan jenazah simati.
6. Makan sebelum mandi suci sesudah bersenggama atau selepas mimpi berahi.
7. Sengaja melambat-lambatkan makan makanan yang telah disediakan lebih awal lagi (serta dihidangkan).

8. Makan di atas katil tanpa meletak kain alas/saprah (Dastarkhuwan).
9. Makan di atas katil dengan cara duduk pada bahagian bantal kepala diletakkan sementara hidangan makanan diletakkan pada kedudukan kaki sewaktu tidur.
10. Menggunakan gigi untuk meniatkan roti tanpa menggunakan tangan untuk meniatkannya dahulu (hendaklah diperhatikan juga bagi penggemar memakan burger).
11. Menggunakan pinggan, cawan dan sebagainya yang telah retak atau sumpit (Adalah Makruh hukumnya (tidak molek dipandang) minum air pada bahagian cawan yang retak atau sumpit. Jangan menggunakan pinggan, cawan dan sebagainya yang telah retak kerana mengandungi kuman dan bakteria berbahaya di dalam retak-retak tersebut.
12. Tidak mencuci bersih pingganmangkuk yang telah digunakan terlebih dahulu.
13. Mencuci tangan di dalam pingganmangkuk khusus untuk mengisi makanan.
14. Menelan bahan makanan yang tersekat pada celah-celah gigi setelah ditanggalkan dengan flos gigi atau kayu pencungkil gigi dan sebagainya.
15. Pingganmangkuk khusus untuk mengisi makanan dibiarkan terdedah. Seseorang itu hendaklah mengucapkan Bismillah

serta menutup pingganmangkuk untuk mengisi makanan kerana jika dibiarkan terdedah, nasib malang/bencana buruk meresap ke dalam makanan dan minuman serta merosakkannya menjadi basi dan menyebabkan penyakit.

16. Membuang makanan bersepah-sepah di tempat-tempat yang selalu di pijak-pijak oleh manusia seperti membuangkannya di kawasan jalanraya. *(Telah dikemaskinikan karangannya daripada Sunni Bahishti Zewar, MS 595-601)*

Berikut ini adalah punca Kesempitan Rezeki seperti disebutkan oleh Sayyiduna Burhaan-ud-deen Zarnuji
رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ.

17. Tidur berlebihan (Perbuatan tersebut juga boleh menyebabkan kelembapan ilmu pengetahuan).
18. Tidur berbogel.
19. Kencing tanpa segan silu (Bagi yang kencing di merata kawasan awam seperti di tepi jalan hendaklah perhatikan ini).
20. Malan hendak mengutip deraian kepingan roti atau makanan bertaburan di atas meja makan/kain alas/saprah (Dastarkhuwan) .
21. Membakar kulit bawang merah atau bawang putih.
22. Menyapu sampah di dalam rumah menggunakan kain pakaian.
23. Menyapu sampah pada waktu malam .

24. Meletakkan sampah di dalam rumah.
25. Berjalan di hadapan serta mendahului para cendiakiawan Islam dan wali-wali.
26. Memanggil ibubapa dengan panggilan namanya.
27. Mencuci tangan menggunakan lumpur ataupun pasir.
28. Bersandar di tepi pintu masuk ke dalam rumah.
29. Mengambil Wudhu' di dalam bilik mandi.
30. Menjahit pakaian ketika sedang dipakai.
31. Membiarkan sahaja sawang /sarang labah-labah di dalam rumah.
32. Malas menunaikan Solat.
33. Tertangguh-tangguh meninggalkan Masjid sesudah selesai menunaikan Solat Subuh bersama-sama para jemaah.
34. Pergi ke pasar terlalu awal di pagi hari.
35. Lambat pulang ke rumah dari pasar.
36. Memakihamun/menyumpah-nyumpah anak-anak. (Kaum wanita kerap kali diperhatikan cenderung memakihamun/menyumpah-nyumpah anak-anak mereka. Kemudian mereka akan bersungut tentang puncanya kepayahan rezeki) .
37. Melakukan dosa, terutamanya bercakap bohong.

38. Memadamkan lampu (Lilin atau tanglung) dengan meniupnya.
39. Menggunakan sikat patah
40. Enggan mendoakan untuk kedua ibubapa
41. Mengikat serban ketika sedang duduk
42. Memakai seluar atau pyjama ketika sedang berdiri
43. Mengelakkan diri daripada melakukan amalan-amalan kebaikan. (*Ta'limul mutualism Tariqah ta'allum, MS 73-76, Baab-ul-Madina, Karachi*)

Peringatan Penting

Barangsiapa menginginkan rezeki diberkati hendaklah berusaha bersungguh-sungguh menghapuskan punca-punca Kesempitan Rezeki yang telah disenaraikan tadi. Juga didapati bahawa bertambahnya perbuatan dosa secara berleluasa adalah puncanya rezeki tidak diberkati. Oleh itu, perlulah berusaha bersungguh-sungguh menjauhkan diri daripada perbuatan berdosa kerana ianya menjadi punca kepada kebanyakan masalah dan kesusahan.

Perkara Merunsingkan

Ameer-e-Ahle Sunnat دامت بركاتهم العالیه berkata, “Jika, barangsiapa meninggalkan Solat (atau tidak menunaikannya pada waktu-waktu telah ditetapkan) tetapi tetap inginkan dirinya terpelihara daripada muksibah; dia menjemput Syaitan makan bersama

kerana tidak mengucapkan **بِسْمِ اللَّهِ** tetapi tetap menginginkan rezeki diberkati; tidak pula ia mengutamakan hukum Halal dan Haram apabila berjualbeli tetapi tetap menginginkan kemakmuran, makanya fikirkanlah sejenak, bagaimanakah boleh menyelamatkan tanganmu daripada terbakar sedang kamu meletakkannya di atas api?

Melawan Godaan Syaitan

Adakalanya, Syaitan menyesatkan manusia supaya mempercayai bahawa walaupun terdapat ramai di kalangan kaum Muslimin tidak menunaikan kewajiban Solat, memperolehi rezeki melalui cara Haram dari segi hukumnya, mengenyepikan amalan ‘Sunnah Rasul’ serta memenuhi kegiatan hidup mereka dengan perkara-perkara kemungkaran dimurkai Allah **عَذَابًا** dan Rasulnya Ya Habibullah **صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ**, namun mereka dapati rezeki pendapatan daripada perniagaan mereka semakain bertambah. Wahai saudara Musliminku! Ini merupakan suatu muslihat Syaitan untuk menipu manusia. Jika kita memiliki daya pemikiran demikian, makanya bagaimana pulakah tanggapan kita terhadap ramainya bilangan dari kalangan orang-orang kafir yang amat berjaya di dunia ini? Sedangkan, pada hakikatnya, mereka itu adalah kafir.

Ingatlah! Mengumpul harta kekayaan dunia oleh seorang kafir dan berterusan melakukan kemungkaran tidak harus dilihat sebagai cara hidup bagi seseorang mencapai ke tahap keunggulannya. Sebaliknya pula, ianya perlu dianggap sebagai

sesuatu yang membawa kita menuju ke alam kemusnahan pada penghujungnya. Dari itu, seorang Muslimin hendaklah pelajari cara menyelesaikan masalah berpandukan Nur dari sumber-sumber Al-Quran dan ‘Sunnah Rasul’ bagi menangkis tipu muslihat Syaitan.

Berwaspadalah

Punca Kesempitan Rezeki sepertimana disebut tadi amat penting untuk diketahui umum termasuklah saudara-saudara Muslimin yang kaya raya. Jika secara tiba-tiba, mereka ditimpa sesuatu muksibah berpunca daripada sebab-musabab yang telah disebutkan tadi, maka hendaklah ia menghapuskan unsur tersebut supaya menjamin keberkatan rezeki dimiliki oleh mereka terus terpelihara.

Kebebasan Daripada Belunggu Kesempitan Rezeki

Mengumpul harta kekayaan sebagai rezeki diberkati tidaklah begitu mustahil asalkan seseorang itu berusaha dengan penuh keikhlasannya. Hazrat-e-Abdullah Ibn-e-Abbas رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُمَا, menceritakan bahawa Pemerintah Besar Madinah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda, “Mengambil Wudhu’ sebelum dan sesudah selesai makan menghapuskan Kesempitan Rezeki diberkati. Ianya merupakan ‘Sunnah Rasul’ dan amalan tersebut telah menjadi kelaziman bagi para Mursaleen (Para Nabi) عَلَيْهِمُ السَّلَام.” (*Al-Muajam-ul-Aosat, Al-Hadit 7166, Jilid 5, MS 231, Dar-ul-fikr ‘Uman*)

صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ

Mengumpul Keberkatan

Menurut sebuah lagi Hadith yang telah diceritakan oleh Hazrat Anas رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُ bahawa Pemerintah Besar Madinah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersabda, “Barangsiapa menginginkan nikmat dari Allah عَزَّوَجَلَّ supaya mengurniakan keberkatan Nya dengan berlimpah-limpah, hendaklah berWudhu’ tatkala makanan dihidangkan untuk dimakan dan dia juga hendaklah berWudhu sesudah selesai makan.” (*Sunnan Ibne Majah, Al-Hadith 3260, jilid 4, MS 9, Dara-ul-M’arifa Beroot*)

Cara Berwudhu’ Sebelum Makan

Adalah menjadi amalan ‘Sunnah Rasul’ mencuci kedua tangan hingga ke paras pergelangannya sebelum memulakan makan. Jika ada orang yang tidak mencuci mulutnya, ia tidak boleh dikatakan telah meninggalkan amalan ‘Sunnah Rasul.’

Ameer-e-Ahle Sunnat دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَةَ erkata, “Malangnya, pada hari ini, amalan-amalan suci ‘Sunnah Rasul’ seperti berWudhu’ sebelum memulakan makan, membilas saki-baki lauk-pauk serta kuahnya di dalam pinggan dengan air lalu menghirupnya sudah tidak menjadi amalan umum umat Islam hari ini. Adakah wajar jika suatu pergerakan secara besar-besaran dengan hasrat mengatur cara untuk mengembalikan semula keutamaan amalan-amalan ‘Sunnah Rasul’ ini?

صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ

Pertambahan Rezeki

Imam Muhammad Ghazali رَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِ berkata, “Hendaklah dikutip deraian kepingan roti yang bertaburan kerana menurut sebuah Hadith, “Barangsiapa melakukannya, dia akan mendapati rezekinya bertambah dengan melimpah-limpah, anak-anaknya terus berada di dalam keadaan selamat dan sejahtera dan terpelihara, kemudian, deraian kepingan roti tadi akan menjadi sebagai Hantaran (Mehr) Perkahwinan kepada Bidadari Syurga (Hoor).” (*Keemiyae Saadat, Jilid 1, MS 374, Intisharaat-e-Ganjeena Tahrán*)

Berkatnya Makan Secara Beramai-Ramai (Berjemaah)

Hazrat Sayyiduna Umer Farooq Azam رَضِيَ اللهُ عَنْهُ menceritakan bahawa Pemerintah Besar Madinah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersabda, “Hendaklah makan beramai-ramai (berjemaah), jangan makan bersendirian kerana lebih diberkati jika makan secara berjemaah.” (*Sunnan Ibne Maja, Al-Hadith 3287, Jilid 4, MS 21, Dara-ul-M'arifa Beroot*)

Perkara Dititikberatkan

Wahai saudara Musliminku! Pada hari ini, kita dapat melihat bagaimana para Muslimin itu sanggup berusaha bertungkus-lumus serta menahan dirinya daripada keterikan panas cuaca di dalam mencari pekerjaan tetapi tidak pula sanggup mengamalkan cara lebih mudah lagi pasti menjaminkan kurniaan rezeki diberkati daripada mata pencariannya. Sejauh manakah kesanggupan para Muslimin mengamalkan ajaran Islam di dalam hidup mereka dengan penuh keikhlasannya?

Kemudian, isu pengangguran kini telah menjadi suatu isu antarabangsa. Malahan pula, bukan sahaja orang Islam bahkan orang-orang bukan Islam juga akan dapat menggunakan cara pendekatan Islam ini bagi isu pengangguran dengan memeluk Islam serta mengamalkan ‘Sunnah Rasul’ di dalam kehidupan mereka.

20 Solusi Madani Mengatasi Kemiskinan

1. Para wali-wali Islam (Masha’ikh) berkata bahawa ada dua perkara yang tidak akan menyatu; kemiskinan dan Solat Chasht (Sebenarnya, orang yang taat menunaikan Solat Chasht, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ*, dijamin terpelihara daripada belunggu kemiskinan). Hazrat Shafeeq Balkhi *رحمته الله تعالى عليه* berkata, “Kami menginginkan hanya lima perkara, tetapi kami telah memperolehi tambahan lima lagi perkara (dan salah satu daripadanya adalah), apabila kami menginginkan rezeki diberkati, kami pasti akan dikurniai setelah selesai menunaikan Solat Chasht.” (*Faizan-e-Sunnat, MS 1011*)
2. Berpuasa pada hari-hari ke-13, 14 dan 15 pada setiap bulan Islam. Telah tersebut di dalam Futuh-ul-Aurad bahawa telah terbukti kebenarannya jika barangsiapa berpuasa pada tarikh-tarikh tersebut pada setiap bulan Islam, rezeki dari mata pencariannya akan bertambah.
3. Taat membaca Surah Al-Waqi’ah dan adalah lebih afdal mengamalkannya selepas selesai menunaikan Solat Maghrib.

4. Lelaki yang menunaikan Solat Sunat Subuh di rumahnya dan kemudian, menyambung untuk menunaikan Solat Fardhu Subuh secara berjemaah di Masjid. (Menurut sesetengah Hadith), Allah عَزَّوَجَلَّ akan menambahkan rezekinya. Di samping itu, pertikaianya sesama saudara-mara akan reda secara beransur-ansur sehingga terhapus dan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ, orang berkenaan akan mati di dalam keimanan.
5. Tatkala terdengar laungan Azan, serta-merta menjawabnya sambil berhenti daripada berdzikir, berhenti membaca Al-Quran dan menutup kepala dengan serban, topi atau tudung pendek (bagi putri Islam). Seseorang itu hendaklah berhenti daripada bercakap, lebih-lebih lagi tentang perkara-perkara keduniaan, takut nanti kesudahan hidupnya di dalam kehinaan (mati tanpa keimanan).
6. Memenuhi jadual harian dengan mendalami ilmu agama seperti tentang amalan 'Sunnah Rasul.'
7. Menyebarkan ajaran Islam kepada orang lain walaupun, hanya mengajari orang itu dengan satu ayat terkandung di dalam Al-Quran sahaja ataupun sebuah Hadith atau Mutiara Kata seorang Wali, oleh demikian, kebaikan daripada menyebarkannya kepada orang lain adalah menjadi punca rezeki diberkati. (Menjadi ahli kepada pergerakan Dawat-e-Islami sambil sibuk dengan kerja-kerja amal Madani, terutamanya jika menyertai Kafilah Madani sambil menjiwai amalan Madani In'aamaat dan sebagainya, merupakan cara paling baik melakukannya).

Di dalam perkara ini, ada seorang yang menceritakan tentang sebuah kisah pengembaraan Kafilah Madani. Ia berkisar sewaktu sebuah gudang sedang dibersihkan, di mana gandum yang disusun terkumpul sewaktu pembersihan dijalankan, telah dijual. Setiap buruh kasar termasuk orang yang menceritakan tentang kisah ini telah diberikan wang sebanyak 500 rupee. Dia begitu terkejut dan bersyukur kepada Allah عَزَّوَجَلَّ kerana andaikata dia tidak datang kerja, dia hanya akan memperoleh pendapatan sebanyak 300 rupee sahaja, tetapi kini dia mendapat 500 rupee berkat dari menyertai Kafilah Madani.

8. Mengerjakan Solat Tahajjud dengan taat.
9. Sentiasa memohon taubat dan melafazkan Istighfar sebanyak 70 kali di antara Solat Sunat Subuh dan Solat Fardhu Subuh.
10. Membaca Ayattul Kursi dan Surah Al-Ikhlâs di rumah.
11. Membaca Tasbih Fatimah selepas selesai setiap Solat (سُبْحَانَ اللَّهِ 33 kali, الْحَمْدُ لِلَّهِ 33 kali dan اللَّهُ أَكْبَرُ 34 kali).
12. Mendermakan Kitab Suci Al-Quran serta kitab-kitab agama (oleh cendiakiawan Islam Ahlus-Sunnah) kepada Madrasah. (Menyebarkan buku-buku kecil terbitan Maktaba-tul-Madina kepada umum di majlis-majlis perkahwinan, muksibah, Ijtima', Urs (perhimpunan tahunan sebagai mengingati para wali) dan perarakan

Meelad, memberikan buku kecil ini kepada pelanggan-pelanggan dengan niat untuk mendapatkan pahalanya atau menghantarkan buku kecil ini ke rumah jiran-jiran melalui bantuan kanak-kanak atau pengirim akhbar juga merupakan cara paling baik memperolehi rezeki diberkati). (Berlainan buku kecil boleh dihantar kepada acara-acara yang berbeza-beza).

13. Berbakti kepada kedua ibubapa.
14. Membaca Surah Al-Muzammil dan Surah Al-Naba sekurang-kurangnya sekali sehari.
15. Membaca Surah Al-Mulk selepas selesai Solat Isyak serta tidur.
16. Membaca Surah Al-Kahfi pada malam Jumaat (bermula mulai selepas waktu Maghrib hari Khamis).
17. Menyimpan cuka di dalam rumah.
18. Seumpamanya, seperti disebut dalam sebuah Hadith, kemiskinan akan menggantikan kemakmuran di dalam kediaman di mana penghuninya memotong kukunya pada hari Ahad. (*Faizan-e-Sunnat, MS 549*)
19. Mengedarkan makanan kepada golongan miskin pada Hari Assyura (10 Muharam). Menurut sebuah kisah, makanan dan minuman yang diedarkan kepada orang lain pada Hari Assyura akan membawa berkat. (Disebabkan ini, Khitchra masih dihidangkan oleh kaum Muslimin masih berterusan).

20. Membaca Selawat ke Atas Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ (Durood Shareef) dengan sebanyak-banyaknya. (*Sunni Bihshiti Zewar, MS 609*)

Golongan Miskin Menjadi Kaya

Maka terjadinya, ada seorang yang alim; dia mulai membaca Selawat ke Atas Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ (Durood Shareef) sebanyak 500 kali setiap hari dengan penuh khusyuk. Sebagai balasannya, Allah عَزَّوَجَلَّ mengurniakan ke atasnya harta kekayaan melimpah-limpah sedangkan sebelum ini dia adalah seorang yang sangat miskin. (*Faizan-e-Sunnat, MS 151*)

Ameer-e-Ahle Sunnat دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَةِ berkata bahawa jika Kesempitan Rezeki seseorang itu tidak terhapus walaupun setelah menjauhkan dirinya daripada segala-gala puncanya sambil membaca Selawat ke Atas Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ (Durood Shareef) sebanyak kali seperti disebut tadi, mungkin dia perlu memperbetulkan niatnya semula. Pendekata, jika seseorang itu mengamalkan bacaan Selawat ke Atas Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ (Durood Shareef), kemudian menjauhkan dirinya daripada punca-punca Kesempitan Rezeki dan mengamalkan penawarnya semata-mata untuk mensukacitakan Allah عَزَّوَجَلَّ dan Rasul Nya صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, إِنَّ شَاءَ اللهُ عَزَّوَجَلَّ, Kesempitan Rezekinya pastinya terhapus jua.

Maknanya Kesempitan

Ingatlah! Kesempitan tidak hanya bermaksud kekurangan wang, tetapi kadangkalanya, manusia bersungutan tentang

kesempitan walaupun mempunyai harta kekayaan yang banyak, maka ianya tidak masuk akal. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ**. kamu pasti bersyukur dengan kepuasan di atas kurniaan harta kekayaan berkat daripada amalan-amalan kebaikan tersebut tadi. Hakikatnya, mensyukuri (kepuasan dengan apa yang dimiliki) merupakan kekayaan sebenar dan orang yang tamak haloba terhadap kekayaan dunia adalah diumpamakan seperti orang yang memerlukan lagi miskin. Mensyukuri nikmat tiada dapat ternilaikan dan tidak akan terputus, oleh itu, ianya adalah lebih baik daripada kekayaan harta dunia. Kekayaan dunia tidak kekal dan akan menjadi perkara utama apabila seseorang itu disoal kerananya di Hari Penentuan kelak. *(Faizan-e-Sunnat, MS 152)*

Terjemahan Bacaan Doa Attar

Ya Allah Ya Tuhanku Yang Maha Pemurah Allah **عَزَّوَجَلَّ**! Berserta dengan keberkatan berSelawat ke Atas Nabi Muhammad **صَلَّى اللهُ تَعَالَى** عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ (Durood Shareef), bebaskanlah kami daripada belenggu kekayaan harta dunia dan kurniakanlah ke atas kami kelebihan nikmat daripada merasa kepuasan (Amin).

Cara Paling Baik Rezeki Diberkati

Hazrat Sahal bin Sad **رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُ** menceritakan tentang seorang dengan merendah diri mengadu kepada Rasul Junjungan Mulia **صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ** tentang nasibnya yang Kesempitan Rezeki. Baginda **صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ** bersabda, “Apabila kamu memasuki rumahmu, ucapkanlah Salam kepada penghuni-

penghuninya dan jika tiada sesiapa di dalamnya, maka ucapkanlah Salam kepadaku dan bacalah Surah Al-Ikhlâs (قُلْ هُوَ اللَّهُ شَرِيفٌ) satu kali. Orang berkenaan pun melakukan demikian, maka Allah عَزَّوَجَلَّ mengurniakan ke atasnya harta kekayaan dengan sebanyak-banyaknya hingga dia membantu urusan kewangan jiran-jiran serta saudara-maranya. (*Al-Jami-ul-Quran, lil-Qurtubi, Jilid 20, MS 231 Peshawar*)

Wahai saudara Muslimin! Seandainya kita berusaha menyelesaikan segala permasalahan hidup berpandukan Al-Quran dan ‘Sunnah Rasul’, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ, kita berubah menjadi lebih Berjaya di dunia dan juga di akhirat nanti.

Penawar Kesempitan

Pernah sekali, Mamoon Rasheed, Khalifah Kota Baghdad, mempelawa Hazrat Hudba bin Khalid رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ, seorang Muhaddith yang sangat ternama keahliannya tentang Hadith. Setelah selesai makan, Hazrat Hudba bin Khalid رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ mula mengutip sakibaki makanan yang telah jatuh ke atas lantai lalu dia memakannya.

Mamoon bertanya dengan terkejut, “Wahai Shaikh, adakah kamu masih kelaparan?” Dia menjawab, “Tidak. Sebenarnya, Hazrat Hammad bin Salamah رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ menceritakan kepada saya bahawa menurut sebuah Hadith, orang yang mengutip sakibaki makanan yang terjatuh lalu memakannya, dia tidak perlu bimbang terhadap Kesempitan Rezeki.” (*Ithaf Saadat-ul-Mutaqeen, Jilid 5, MS 597, Dar-ul-Kutub-ul-Ilmiyya Beroot*)

“Saya hanya melakukan seperti Hadith tersebut.” Mamoon amat terpicat lalu dia member isyarat kepada salah seorang pelayannya yang kemudian membawa seratus Deenar dibungkus di dalam sehelai kain. Mamoon mempersembhkannya kepada Hazrat Hudba bin Khalid رضي الله تعالى عنه, dia أَلْحَمْدُ لِلَّهِ عَزَّوَجَلَّ berkata, “أَلْحَمْدُ لِلَّهِ عَزَّوَجَلَّ, saya telah menerima ganjaran daripada mengamalkan ajaran Hadith dengan begitu cepat sekali.”

Keprihatinan Ameer-e-Ahle Sunnat دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَةِ

Telah banyak kali diperkatakan bahawa Ameer-e-Ahle Sunnat دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَةِ, kerap mengamalkan, setelah selesai makan atau minum teh, air minuman dan sebagainya, mencurahkan air ke dalam pembekasnya, menggoncangkannya dengan cukup dan meminumnya supaya tidak membazirkan sebarang bahan makanan. Pada tahun 1423 Selepas Hijriyyah (A.H.), ketika sedang di dalam perjalanan menuju ke Madinah, dia dilihat memicit-micit uncang teh di dalam cawannya berisi air panas sebelum dicampur susu dan gula (padahalnya kebanyakan orang akan membuang uncangnya tanpa memicit-micitnya atau ada juga yang memicit-micitkannya tetapi setelah dicampur susu dan gula). Ketika dia sedang minum the, dia ditanya secara beradab, “Yang di Muliakan, apakah kebijaksanaannya melakukan demikian?” Dia pun menjawab, “Saya menyedari bahawa jika setelah susu dan gula dicampurkan dengan uncang teh terlebih dahulu, maka uncang teh akan mengandungi susu dan gula tadi. Oleh demikian, saya memicitkannya dengan teliti, supaya tiada

pembaziran bahan makanan, سُبْحَانَ اللَّهِ عَزَّوَجَلَّ. Sesungguhnya, keprihatinan mendalam yang ditunjukkan oleh Ameer-e-Ahle Sunnat دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَةِ terus membawa kita kepada zaman para wali di masa lalu.

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

Berikanlah Buku kecil ini Kepada Orang Lain

Sesudah Membacanya

Edarkanlah buku-buku kecil terbitan Maktaba-tul-Madina di majlis-majlis perkahwinan, muksibah, Ijtima' dan sebagainya serta menerima pahalanya. Jadikanlah ini suatu kebiasaan diri menyimpan buku-buku kecil di dalam kedai kamu untuk diedarkan kepada pelanggan-pelanggan secara percuma. Pastikan buku-buku kecil ini dihantar kepada jiran-jiran serta orang lain dengan bantuan daripada kanak-kanak dan pengirim akhbar.

Pahala Melalui Pendekatan Madani di Majlis

Perkahwinan

Sementara banyak wang dibelanjakan untuk majlis perkahwinan, anjurkan Gerai (Bastay) Madani didirikan sempena majlis santapan pengantin (satu di bahagian para tetamu lelaki dan satu di bahagian para tetamu wanita). Edarkan Kitab/Buku Madani, Buku-buku Kecil, Pamphlet, Kaset dan sebagainya

secara percuma di gerai-gerai tersebut serta menerima pahalanya. Hantarkan pesanan buku kepada Maktaba-tul-Madina; kemudian saudara Muslimin putra dan putri Islam, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ** akan mengendalikan tugas selebihnya. (Jazakallah-u-Khaira)

Coretan

Dapatkan Gerai Madani yang sama bagi mengedarkan buku-buku kecil dan sebagainya pada upacara Ghos-e-Azam **رَحِمَى اللّٰهُ عَلَيْهِ** Niaz, Soam, Chahlam dan sebagainya. Saudara Muslimin putra Islam yang ingin turut mengedarkan Faizan-e-Sunnat, Hukum Solat dan Buku-buku lain, Buku-buku Kecil, Pamplet dan sebagainya pada Easal-e-Sawab mengingati saudara-mara mereka yang telah kembali dengan menyebut nama-nama mereka di dalam buku tersebut perlu hubungi Maktaba-tul-Madina.

صَلَّى اللّٰهُ تَعَالَى عَلَى مُحَمَّدٍ

صَلُّوا عَلَى الْحَبِيبِ